

272

NO. SOALAN: 198

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]**

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan apakah statistik kejayaan
Kementerian mengendalikan aduan pengguna dan orang awam
mengenai gerai, pasar atau kedai mengenakan harga yang
melampaui batas.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa peka terhadap aduan pengguna dan orang awam mengenai isu harga barangan. Pemantauan dan pemeriksaan harga sepanjang masa dilaksanakan ke atas premis-premis perniagaan di bawah Akta Kawalan Harga Antipencatutan 2011 terhadap peniaga gerai, pasar atau kedai runcit bagi memastikan mereka tidak mengenakan harga yang melampaui batas.

Pelaksanaan penguatkuasaan pencatutan ini merangkumi pemeriksaan di **kedai runcit, pasar tani, pasar malam, pasar basah, gerai makan, kedai makan, medan selera, restoran dan hentian rehat dan rawat (R&R)** bagi mendapatkan alasan dan justifikasi mengenai kenaikan harga barangan.

Sehingga **31 Januari 2018**, sebanyak **25 kes** telah didakwa dan disabitkan kesalahan berkaitan pencatutan di Mahkamah serta dijatuhkan hukuman dengan denda keseluruhan berjumlah **RM352,500** ke atas premis-premis yang dinyatakan di atas. Manakala jumlah kes yang telah dikompaun pula adalah sebanyak **34 kes** dengan jumlah keseluruhan kompaun sebanyak **RM101,000**.

274

SOALAN : 199

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG (TEBRAU)

RUJUKAN : 10744

SOALAN :

PR-1361-T01740

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah dan tindakan-tindakan untuk meminimumkan kenyataan-kenyataan secara lisan atau bertulis, tingkah laku dan sebagainya yang melanggar Akta Hasutan atau Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sambil memelihara hak asasi dan kebebasan manusia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui agensi-agensi yang berkaitan sentiasa memantau isu-isu atau aktiviti-aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan, ketenteraman awam dan keharmonian rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama termasuk kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan sama ada secara lisan atau bertulis atau tingkah laku yang melanggar undang-undang dan sensitiviti rakyat atau yang berbau hasutan.

Di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa rakyat negara ini diberi kebebasan untuk bersuara, berhimpun dan berpersatuan. Walau bagaimanapun, hak ini adalah tidak mutlak dan hak bersuara ini tidak boleh menyentuh isu-isu sensitif seperti perihal berkaitan agama mahupun kaum agar perpaduan dan keharmonian dapat dipelihara.

Kerajaan sentiasa berusaha gigih memantau dan menyekat penyebaran atau pengeluaran artikel atau ucapan-ucapan yang menyentuh sensitiviti rakyat negara ini menerusi penggunaan undang-undang. Penggunaan secara meluas media sosial juga boleh disalah guna dan Kerajaan memandang serius tindakan atau aktiviti oleh individu atau kumpulan yang mencela, memfitnah, menghina dan menghasut orang lain dengan tujuan menimbulkan kebencian dan tidak menghormati perlembagaan negara, institusi

216

diraja, kerajaan dan perpaduan kaum yang berbilang bangsa dan agama di negara ini.

Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 akan digunakan untuk memastikan pihak yang melanggar undang-undang ini akan menerima hukuman sewajarnya. Walau bagaimanapun, undang-undang ini tidak digunakan untuk menyekat hak atau kebebasan bersuara setiap individu tetapi sebagai panduan dan langkah pencegahan bagi memastikan setiap rakyat berhati-hati sebelum mengeluarkan sesuatu kenyataan. Kerajaan tetap menghormati hak rakyat Malaysia untuk menyatakan pendapat, bersuara dan berhimpun secara bebas dan adil.